

Headline	3 aksi terakhir bakal panas		
MediaTitle	Berita Minggu	Language	Malay
Date	18 Sep 2016	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	7
Section	Sukan	Journalist	Naqib Nor Said
ArticleSize	169 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 9,168		



LIGA PREMIER HOKI MALAYSIA (MHL)-TNB

# 3 aksi terakhir 'bakal panas'

◎ Enam pasukan berentap sasar ke separuh akhir, kedudukan terbaik liga

Oleh Naqib Nor Said

naqib@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Liga aksi terakhir Liga Premier Hoki Malaysia (MHL)-TNB 2016, hari ini bakal menarik berikutan semua pasukan mengharapkan kemenangan dalam usaha ke separuh akhir selain menamatkan saingan liga di kedudukan terbaik.

Pun begitu, buat Pasukan Hoki Terengganu (THT), Sapura dan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC), mereka sudah pun mengesahkan tempat ke separuh akhir tetapi masih dahan-gakan kemenangan untuk menentukan kejuaraan musim ini.

## Tangga teratas

THT kini menduduki tangga teratas liga dengan mengumpul 19 mata, diikuti Sapura dengan himpunan 18 mata sementara KLHC di tempat ketiga hasil kutipan 17 mata.

Maybank pula dengan jumlah 10

mata di tangga keempat, hampir selangkah ke separuh akhir dan kemenangan ke atas Sapura, petang ini akan menjamin tempat mereka ke saingan seterusnya.

Namun Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang kini menduduki tangga kelima liga, masih berpeluang untuk melangkah ke separuh akhir.

Bagi kapten KLHC Mohamad Sukri Abdul Mutualib, dia serta rakan sepasukan mahu meraih tiga mata apabila bertemu UniKL dalam usaha meraih kedudukan terbaik.

"Memang kami tiada pilihan lagi selain perlu mencatatkan kemenangan ke atas UniKL sambil mengharapkan keputusan tidak memihak kepada THT dan Sapura.

"Kami gagal beraksi baik apabila tewas kepada TNB pada perlawanan terakhir dan kami mahu menebus kesilapan itu apabila bertemu UniKL esok."

"Tapi kami juga tidak boleh memandang rendah keupayaan mereka kerana dalam saingan liga musim ini semua pasukan termasuk UniKL mempunyai kekuatan yang seimbang," katanya.



## Hari Ini

- **THT mln TNB, Std Hoki Batu Buruk, 5.30ptg**
- **Sapura mln Maybank Std Tun Razak, 6ptg**
- **KLHC mln UniKL Std Lembah Pantai, 8mlm**